



DIARI MINGGUAN PUSAT KOKURIKULUM UPSI

12-19 APRIL 2026
EDISI 298



23 April 2026 : Prof. Madya Dr. Mazuki bin Mohd Yasim, Pengarah Pusat Kokurikulum, Universiti Pendidikan Sultan Idris dilantik sebagai pakar rujuk dan penasihat teknikal Pusat Kokurikulum Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu atas khidmat dan pakar beliau dalam bidang pendidikan luar.



Mesyuarat Pengurusan Kor SISPA Kebangsaan Kali Ke-17 Perkukuh Hubungan Strategik Antara APM & UPSI

16 April 2026 – Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Kunjungan ini adalah simbolik pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kor SISPA Peringkat Kebangsaan Kali Ke-17 Bil. 2/2026.

Sesi kunjungan tersebut bertujuan memperkukuh hubungan strategik antara kedua-dua pihak, selain menjadi platform utama dalam memperkasa hala tuju serta pelaksanaan Kor SISPA di peringkat nasional.

Mesyuarat yang berlangsung di Bangunan E-Learning, UPSI menghimpunkan barisan kepimpinan tertinggi APM dan Komandan Kor SISPA daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Fokus utama perbincangan tertumpu kepada penyelarasan pengurusan dan penambahbaikan berterusan pelaksanaan Kor SISPA demi kecemerlangan graduan.



Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kor SISPA Kebangsaan Kali Ke-29 Perkukuh Perancangan Strategik 2026

15 April 2026 – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh agenda pertahanan awam negara dengan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Ajudan Kor SISPA Kebangsaan Kali Ke-29 Bil. 2/2026.

Mesyuarat tersebut menghimpunkan barisan wakil institusi dan ahli jawatankuasa dari seluruh negara bagi membincangkan perancangan strategik serta penyelarasan aktiviti tahunan. Fokus utama perbincangan tertumpu kepada penambahbaikan modul latihan Kor SISPA agar pelaksanaan lebih sistematik dan berkesan di peringkat pengajian tinggi.

Kerjasama antara Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dilihat sebagai langkah proaktif dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah memiliki disiplin yang tinggi dan kemahiran teknikal dalam mendepani situasi kecemasan.



22 April 2026: Pusat Kokurikulum, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima kunjungan delegasi daripada Universitas Bina Darma (UBD), Indonesia.

Delegasi UBD yang diketuai oleh Dekan Fakulti Sosial Humaniora, Dr. Nuzsep Almigo disambut baik oleh Pengarah Pusat Kokurikulum UPSI, Profesor Madya Dr. Mazuki bin Mohd Yasim.

Pertemuan ini menunjukkan UPSI terus komited dalam memperkukuh jaringan kolaborasi antarabangsa demi kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah pelajar.

AURORA UPSI Tingkat Kemahiran Rekreasi Air Menerusi Kursus International Swiftwater Rescue R1 & R2



SUNGAI SIPUT, 20 April 2026 – Seramai lima orang kakitangan dari Unit Adventure Leadership & Outdoor Recreation Academy (AURORA), Pusat Kokurikulum, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyertai Kursus International Swiftwater Rescue R1 & R2 yang berlangsung dari 17 hingga 20 April 2026 di Perak River Lang Buana Training Center, Sungai Siput.

Kursus yang dianjurkan oleh International Search & Rescue Alliance Malaysia (ISARA) dengan kerjasama Perak River Lang Buana Training Center ini melibatkan 18 peserta daripada pelbagai agensi termasuk anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), kakitangan UPSI serta wakil Pasukan Keselamatan Air Malaysia.

Penyertaan kakitangan AURORA dalam kursus ini merupakan satu inisiatif penting dalam memperkukuh kemahiran teknikal berkaitan operasi menyelamat di kawasan arus deras, selari dengan peranan AURORA sebagai unit yang memberi fokus kepada bidang rekreasi dan pendidikan luar.

Para peserta telah didedahkan dengan pelbagai modul latihan praktikal termasuk teknik renang di dalam arus deras, menentukan ferry angle, penggunaan peralatan menyelamat serta teknik menyelamat mangsa. Latihan dijalankan secara simulasi sebenar di Sungai Perak yang terkenal dengan arus deras yang mencabar, sekali gus memberikan pengalaman lapangan kepada peserta dalam menghadapi situasi kecemasan sebenar.



LATIHAN REKREASI BERSAMA KOLEJ KOMUNITI HULU SELANGOR DI UPSI ADVENTURE PARK

24 April 2026 – Unit AURORA merakamkan penghargaan kepada atas kepercayaan yang diberikan oleh Kolej Komuniti Hulu Selangor untuk melaksanakan latihan rekreasi di UPSI Adventure Park. Seramai 23 orang kakitangan telah menyertai program ini. Diharapkan penganjuran program ini dapat memperkukuh kerjasama serta mengeratkan ukhuwah dalam kalangan pelajar

